

## BAB DUA

### FALSAFAH EKONOMI ISLAM

#### 2.1 ASAS FALSAFAH EKONOMI.

Perbincangan sesuatu bidang ilmu seperti ilmu ekonomi tidak dapat dipisahkan daripada asas falsafah yang mendasarinya. Falsafah itu sendiri merupakan pengetahuan tentang pengertian satu konsep atau realiti yang dianggap sebagai dasar ilmu yang tertinggi. Ia boleh diertikan sebagai perbincangan mengenai hakikat suatu perkara melalui jalan berfikir yang berpandukan kepada suatu pegangan atau keyakinan tertentu.<sup>1</sup>

Falsafah inilah yang menggerakkan perlakuan setiap agen ekonomi dalam sistem tersebut serta menentukan asas ekonomi mikronya. Sebagai contoh di negara Barat penyelesaian masalah yang berhubung dengan ekonomi sering diajukan oleh falsafah yang berbeza. Pada suatu ketika masyarakat tertentu menganut suatu konsep ekonomi dan meninggalkannya pada suatu ketika yang lain bila ternyata gagal untuk mencapai matlamat ekonomi yang dikehendaki.<sup>2</sup> Disiplin ekonomi Barat pada asasnya adalah dikembangkan dalam rangka kegiatan ekonomi individu yang diatur berteraskan nilai dan ideologi hidup yang dianuti mereka. Tulisan Adam Smith dalam "*An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*" pada tahun 1937 contohnya merupakan sumbangan bagi melahirkan ekonomi

---

<sup>1</sup> Mohd. Sulaiman Hj. Yasin (1982), *Pengantar Falsafah Islam*, Bhg. 1 dan 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10.

<sup>2</sup> Drs. Sidi Gazalba (1979), *Ilmu Islam 2*. Kuala Lumpur : Perusahaan Offset Bumi Kita, h. 257-258.

sebagai satu disiplin ilmu yang diasaskan kepada masyarakat yang mempunyai ideologi hidup tersendiri.<sup>3</sup>

Mencerusi sejarah, kedudukan ekonomi dan agama di Barat adalah seiringan sehingga lewat abad ke-18, ekonomi dan agama mula dipisahkan. Ramai tokoh-tokoh ekonomi barat seperti Thomas Aquinas dan Augustine adalah tokoh-tokoh gereja.<sup>4</sup> Akibat kebangkitan Revolusi Industri, terdapat ahli-ahli ekonomi yang berusaha untuk memisahkan kajian ekonomi daripada pengaruh agama. Ini adalah suatu kenyataan sejarah di Eropah apabila berlaku penentangan terhadap gereja dan kewibawaannya.<sup>5</sup>

Dari perspektif ekonomi Islam ada beberapa kriteria penting dalam pembangunan falsafah antaranya:

### 2.1.1 Tauhīd

Falsafah ekonomi Islam, terungkap kukuh kepada dasar-dasar tauhid yang dipegang oleh individu Islam itu sendiri. Allah s.w.t. telah menentukan undang-undang untuk semua kejadian dan semuanya sudah sedia patuh kecuali manusia. Manusia dikurniakan Allah s.w.t. dengan kebebasan sama ada untuk mengikut undang-undang tabii atau mengingkarinya. Firman Allah s.w.t.

---

<sup>3</sup> Adam Smith (1937), *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*. New York : The Modern Library, h. 9.

<sup>4</sup> Ahmad Seifuddin (1984), *Nilai Sistem Ekonomi Islam*. Jakarta : CV Samudera, h. 9.

<sup>5</sup> Monzer Khaf (1989), "Islamic Economic System : A Review dalam Aidit Ghazali et al. (ed) *Readings in the Concept and Methodology of Islamic Economics*. Petaling Jaya : Pelanduk Pub. Sdn. Bhd., h. 69.

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ إِنَّآ أَعْتَدْنَا  
 لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا وَإِنْ يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ  
 يَشْوِي الْوُجُوهُ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَعًا

*Terjemahan: Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya". Kerana Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang*

*Surah al Kahfi (18) : 29.*

Dengan mendukung falsafah tauhīd, Islam berpandangan bahawa faktor-faktor yang terdapat dalam diri manusia berada dalam kesatuan, justeru itu kesempurnaan keperibadian seseorang itu akan tercapai jika kesemua faktor-faktor dalam diri manusia diberi penumpuan dengan sepeñuhnya tanpa mengecualikan sesuatu pun. Oleh itu keperluan kebendaan dan kerohanian manusia hendaklah dipenuhi secara seimbang. Merujuk kepada ekonomi, asas falsafah pendekatan Islam terhadap ekonomi adalah amat berbeza dengan sistem-sistem ekonomi yang lain.<sup>6</sup> Menurut Dr. Muhammād Nejatullah

<sup>6</sup> Muhammad Arif (1989), "Towards Establishing the Microfoundation of Islamic Economics: The basis of the basics" dalam (Ghazali Aidit et al., ed.) *Reading in the Concept and Methodology of Islamic economics*. Petaling Jaya : Penerbitan Pelanduk Sdn. Bhd., h. 82-96.

Siddiqi, perkara yang menjadi pokok kepada falsafah ekonomi Islam terletak kepada perkara-perkara berikut :<sup>7</sup>

- a. Hubungan manusia dengan Tuhan
- b. Hubungan manusia sesama manusia.
- c. Hubungan manusia dengan alam.
- d. Tujuan kehidupan manusia di dunia ini.

Perhubungan antara manusia dengan Tuhan ditakrifkan sebagai *tauḥīd*. Intisari kepada *tauḥīd* ialah penyerahan diri sepenuhnya kepada kehendak syariat Allah s.w.t. Ini merupakan sumber nilai dan matlamat manusia untuk memperolehi keredhaan Allah s.w.t. Hidup di dunia ini adalah satu ujian dan segala-galanya yang diberikan kepada manusia itu merupakan amanah. Manusia bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. dan kejayaannya dalam kehidupan di akhirat bergantung kepada prestasi dalam kehidupan di dunia. Ini menambahkan satu lagi dimensi baru kepada penilaian terhadap benda dan perlakuan dalam hidup ini. Demikianlah seperti yang dinyatakan oleh Al-Faruqi.<sup>8</sup>

*Perlakuan ekonomi adalah penjelmaan daripada kerohanian  
Islam....*

Secara terperinci kedudukan falsafah *Tauḥīd* dalam bidang ekonomi adalah seperti yang dirumuskan oleh Jawatankuasa Konsep dan Metodologi Ekonomi Islam yang diadakan di

---

<sup>7</sup> Muhammad Najetullah Siddiqi (1981), *Muslim Economics Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. United Kingdom : The Islamic Foundation, h. 5.

<sup>8</sup> Muhammad Arif (1989), *op. cit*, h. 82-96.



Mekah pada 21-26 Februari 1976.<sup>9</sup> Pembangunan konsep ekonomi Islam berasaskan kepada:

- a) Keyakinan bahawa seluruh alam ini dan harta adalah kepunyaan Allah s.w.t.
- b) Manusia adalah pemegang amanah terhadap apa yang dimilikinya yang dikurniakan oleh Allah s.w.t.
- c) Pemilikan persendirian yang diizinkan oleh Islam adalah tertakluk kepada perolehan dan perbelanjaannya dengan cara yang betul serta harta itu hendaklah digunakan bagi memenuhi tanggungjawabnya yang tertentu.
- d) Sistem ekonomi Islam membawa kepada perpaduan dan keseimbangan sosial.

Mahmoud Abu Saud seterusnya turut menulis bahawa tujuan hidup seseorang manusia seperti yang diwahyukan dalam al-Qur'an bolehlah dicatit seperti berikut:<sup>10</sup>

- i) Bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah, semua individu mesti menjaga segala kurniaan Allah s.w.t. dalam keadaan yang baik. Berasaskan kewajipan ini aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan kerosakan kepada diri, orang lain, alam sekitar, pembaziran, pengabaian terhadap sumber manusia, sumber asli dan lain-lain aktiviti yang seumpamanya adalah dilarang. Status manusia adalah diciptakan untuk menjaga milik Allah s.w.t. dan bukan untuk mendatangkan kerosakan kepadanya. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. :

---

<sup>9</sup> Khursid Ahmad (1980), *Economic Development in an Islamic Framework*. United Kingdom : The Islamic Foundation, h. 357.

<sup>10</sup> Mahmud Abu Saud (1983), *Outlines of Islamic*. Delhi : Hindustan Publications, h. 10

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

*Terjemahan: Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

*Sūrah al-An'ām (6) :165.*

ii) Bagi beribadat kepada Allah s.w.t., ia merujuk kepada ketaatan dan mengikut petunjukNya dalam segala tindakan dalam perlakuan muamalat. Allah s.w.t. menyatakan dalam firmanNya:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

*Terjemahan: Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah s.w.t. Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.*

*Sūrah al-An'ām (6) : 162.*

iii) Bagi memakmurkan bumi, umat Islam mestilah berusaha untuk melakukan kebaikan, menambah pengeluaran, mempertingkatkan khidmat bakti kepada masyarakat,

membangun dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۖ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ  
الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفِرُّونَ

*Terjemahan: Dan Dia lah yang berkuasa atas sekalian hambaNya; dan Ia mengutuskan kepada kamu pengawal-pengawal (malaikat yang menjaga dan menulis segala yang kamu lakukan), sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami (malaikat); sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya).*

*Sūrah al-An'ām (11) : 61*

Berasaskan penjelasan-penjelasan di atas, tergambar betapa pentingnya pengaruh falsafah tauhid dalam menentukan asas perjalanan aktiviti-aktiviti kehidupan perekonomian manusia, termasuklah aktiviti penggunaan serta ekonomi keseluruhannya.

### 2.1.2 Istikhlaḥ.

Nilai-nilai agung dan istimewa yang menjadi asas nilai Ilahiah dalam ekonomi Islam adalah nilai yang menetapkan bahawa manusia menjadi “wakil” dalam harta Allah s.w.t. .

Individu ekonomi Islam meyakini bahawa harta dan segala sumber yang ada di muka bumi adalah milik Allah s.w.t. .<sup>11</sup> Berdasarkan firman Allah s.w.t. :

ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَّسُوْلِهِ، وَاَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَخْلِفِيْنَ فِيْهِ  
فَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ وَاَنْفَقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ ﴿٧﴾

*Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar*

*Surah al-Hadid (57) : 7.*

Oleh itu manusia bertanggungjawab menjaga, mengolah, mengguna dan mengagihkan harta yang mereka miliki sebaik-baiknya bagi memenuhi keperluan bagi mereka yang memerlukanya. Secara detailnya boleh dijelaskan seperti berikut :

- i) Melaksanakan tanggungjawab *khalifah fi-'ard*.

Kedudukan ini meletakkan peranan individu sebagai penerima tanggungjawab kepada pemilikan dan penggunaan harta seamanah yang mungkin. Walau pun harta yang diperolehi melalui titik peluh yang diusahakan oleh manusia, tetapi modal asal adalah kepunyaan Allah. Allah s.w.t menghendaki manusia menggunakan sewajarnya di samping

<sup>11</sup> Dr. Yusuf al-Qaradhawi (1998), *Peranan Nilai dan Moral Dalam Perekonomian Islam*, K.H Didin Haidhuddin(terj.). Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 10.

membelanjakan sebahagiannya pada jalan Allah. Tentang kedudukan manusia sebagai mustakhlafinafil 'ard ini seperti dalam sūrah al An'ām ayat 165 yang lalu bermaksud:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ  
لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ



*Terjemahan: Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

*Sūrah al-An'ām (6):165.*

ii) Memakmurkan Bumi.

Umat Islam mestilah berusaha untuk melakukan kebaikan, menambah pengeluaran, mempertingkatkan khidmat bakti kepada masyarakat, membangun dan menggalakkan pertumbuhan. Tentang peranan ini dalam al-Quran menyebut:

هُوَ أَنشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرْ لَهُ ثُمَّ تُوْبُوا  
إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ

*Terjemahan: Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah s.w.t. dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".*

*Sūrah Hūd (11) : 61.*

Falsafah ini jelas mengikat manusia dengan peranan yang positif untuk memakmurkan bumi. Dalam perspektif kegiatan ekonomi, falsafah ini akan menjuruskan segala aktiviti perekonomian di atas landasan yang sihat dan bermanfaat.

### 2.1.3 Ukhuwwah.

Penghayatan konsep ukhuwwah turut menjadi sebahagian dari falsafah ekonomi Islam yang penting.<sup>12</sup> Konsep ini mencetuskan ikatan persaudaraan di atas paksi tauhid. Ia tidak sahaja memberi kesan yang positif kepada aspek sosial malah turut memberi kesan yang sama dalam kehidupan ekonomi dan politik ummah. Mengenai perkara ini al-Quran menyatakan:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

<sup>12</sup> Muhammad Hussain (1987), *Development Planning in an Islamic State*. Karachi : Royal Book Co., h. 33-34.

*Terjemahan: Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah s.w.t. supaya kamu beroleh rahmat.*

*Sūrah al Hujurāt (49) : 10*

Malah dalam surah yang sama, al-Quran turut menganjurkan konsep perpaduan sejagat seperti berikut:

يَتَّيِّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْتَكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

*Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah s.w.t. ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

*Sūrah al Hujurāt (49):13*

Umat Islam mesti hidup dalam satu kumpulan sosial yang tersusun iaitu secara berjamaah sebagai satu ummah. Mereka mesti mencorakkan kehidupan selaras dengan peraturan yang ditetapkan Allah s.w.t. serta mengkaji segenap ciptaan Allah s.w.t. bagi memperolehi

hukum-hakam yang berkaitan. Semua aktiviti ini mestilah dilaksanakan dalam suasana harmonis dengan mengutamakan perpaduan dan kerjasama semua pihak.

Setiap individu Islam saling bertanggung jawab kepada Allah s.w.t., kepada sesama manusia, negara dan kepada diri sendiri dalam kaitan dengan pelaksanaan hukum syarak untuk manusia. Tanggungjawab ini adalah asas kepada sebarang hak yang berkaitan dengan individu atau masyarakat. Ini membawa kepada satu lagi elemen yang penting dalam falsafah ekonomi Islam iaitu konsep *tazkiyyah*.

#### 2.1.4 Tazkiyyah

Manusia diciptakan dengan maksud yang mulia iaitu untuk beribadat kepada Allah s.w.t. Dalam konteks ini, ibadat merujuk kepada ketaatan perintah Allah s.w.t. dan mengikuti pertunjuknya dalam segala tindakan dan perlakuan mu'amalah. Tentang hal ini dapat dirujuk kepada ayat al Quran:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

*Terjemahan: Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.*

*Sūrah al An'am (6):162.*



Selaras dengan tujuan yang murni, manusia perlu mewujudkan hubungan yang bersih dalam apa pun peringkat hubungan dengan Allah s.w.t., sesama manusia dan alam. Penghayatan konsep ini berserta dengan konsep-konsep lain yang berupa perincian kepada tuntutan konsep tauhid akan membawa aktiviti ekonomi menuju kepada matlamat yang murni.

## 2.2 PENGERTIAN EKONOMI DAN IQTIṢĀD.

Ekonomi ialah suatu ilmu yang mempelajari tentang perlakuan individu dan masyarakat dalam menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang terbatas untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang mereka perlukan.<sup>13</sup> Pengertiannya juga telah diketengahkan oleh David Hyman' sebagai:

*"Ilmu yang membahaskan bagaimana mengurus sumber-sumber yang terhad bagi pelbagai alternatif penggunaan".<sup>14</sup>*

Secara lebih terperinci perkataan *Ekonomi* berasal daripada perkataan latin *Oeconomicus* dan perkataan Greek *Oikonomikos*.<sup>15</sup> Menurut Joseph .A. Schumpeter, perkataan *Oeconomicus* ini merujuk kepada kebijaksanaan dalam pengurusan rumahtangga.<sup>16</sup> P.H Collin pula mengemukakan ekonomi sebagai, cermat dan berhati-hati, tanpa membazirkan

<sup>13</sup> Dr. 'Abdallāh 'Abd al-Azīz 'Abīd (1985), *Dirasāt fi al-iqtisād al- Islām* . Kaherah : Markazu al-'Ālami al-ibhāth al-Iqtisād al-Islam, h. 13.

<sup>14</sup> David N. Hyman (1993), *Modern Microeconomics, Analysis and Applications*, edisi ke 3. Boston : Richarc & Irwin Inc., h. 3.

<sup>15</sup> Clarence L. Barn Hart dan Robert (1988), *World Book Dictionary*. USA : Mc Graw-Hill, h. 667.

<sup>16</sup> Joseph Schumpeter (1968), *A history of economic Analysis*, New York : Oxford University Press, h. 1.

wang dan kebendaan.<sup>17</sup> Turut diperjelaskan lagi oleh Philip Bab Cockgove dalam kamusnya sebagai, kajian ekonomi dalam konteks aktiviti individu ekonomi sebagai firma rumahtangga dan harga.<sup>18</sup> Menerusi istilah *Oeconomicus* ini, dapatlah disimpulkan bahawa ekonomi ialah peraturan-peraturan untuk menyelenggarakan keperluan hidup manusia di dalam rumahtangga, baik dalam rumahtangga individu mahupun dalam rumahtangga yang bersifat kolektif dalam sesebuah negara.

Kedudukan ini berbeza sekali dengan istilah *iqtisād* yang diguna pakai dalam bahasa arab. Ibnu Manzur<sup>19</sup> dalam *Lisān al-'Arab* menulis kalimah *iqtisād* berasal dari akar kata *Qaşadu* / *Qaşdu* yang bermaksud *lurus*. Ini adalah bertepatan dengan firman Allah s.w.t. :

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا جَائِرٌ وَلَوْ شَاءَ لَهَدَيْنَاكُمْ أَجْمَعِينَ

*Terjemahan: Dan kepada Allah s.w.t. jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran; dan jika Ia kehendaki, tentulah Ia memberi petunjuk kepada kamu semua (yang menyampaikan ke jalan yang lurus itu).*

*Sūrah al Nahl (16): 9.*

<sup>17</sup> P. H. Collin (1990), *Business Dictionnary*. New Delhi: First Indian Reprint, h. 60.

<sup>18</sup> P.B. Cockgove (1976), *Webster's Third New International Dictionary*. USA : Springfield Masschusetts, h. 427. Lihat John Samuel Dodds (1987), *Economics Terms*. London : W & R Chambers Ltd. Edinburgh, h. 36. Lihat juga S. P. Elliott (1992), *Webster's New World Encyclopedia*. New York : Prentice Hall General Reference, h. 548.

<sup>19</sup> Ibnu Manzūr, Abu al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Makram (1986), *Lisān al-'Arab*, jilid 111. Beirut: Percetakan Daru Beirut & Darul Sadir., h. 353.

Al-Zabidi <sup>20</sup> dalam *Taj al-'Arūs* menyebut *Iqtisād* berasal dari kalimah *Qaṣd* yang bermaksud jimat dan cermat iaitu di antara *bakhīl* dan *isrāf*. Merujuk kepada al-Quran Allah s.w.t. memberi gambaran jelas berhubung maksud *iqtisād*. Misalnya:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا  
مَّحْسُورًا

*Terjemahan: Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan schabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggalah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.*

*Surāh al-Isra'(17) :29.*

Mengikut Muhammad Akram Khan <sup>21</sup> dalam *Glossary of Islamic Economic*, beliau menyatakan *al-iqtisād* bermaksud, mengamalkan jalan pertengahan yang secara teknikalnya membawa erti bersederhana antara *isrāf* dan *bakhīl*. Merujuk kepada al-Quran, Allah s.w.t. telah memberi gambaran yang jelas berhubung dengan maksud *iqtisād* seperti oleh pendapat-pendapat di atas. Ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t. :

وَالَّذِينَ إِذَا أَنفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

*Terjemahan: Dan juga mereka (yang diredhai Allah s.w.t. itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas*

<sup>20</sup> Sayyid Muḥammad Murtaḍa al-Ḥusayni al-Zabīdi (1971), *Taj al-'Arus*, Kuwait : Percetakan Kementerian Penerangan Kuwait, h. 36.

<sup>21</sup> Muhammad Akram Khan (1990), *Glossary of Islamic Economy*. London : Mansell Publishing Limited, h. 30.

*dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

*Sūrah al Furqān (25): 67.*

Berdasarkan petikan ayat al-Quran dan al-Hadis di atas jelas menganjurkan manusia supaya bersifat *iqtisād* iaitu tidak *bakhil* dan tidak *israf*. Ibnu Qayyim<sup>22</sup> menyebut bahawa sifat *iqtisād* ini adalah suatu sifat pertengahan di antara dua hujung yang terkeji seperti yang digambarkan oleh kedua-dua ayat al-Quran di atas. Dalam erti kata lain, Allah s.w.t. menganjurkan kita supaya berjimat cermat dalam menggunakan harta. Penghayatan terhadap anjuran ini sudah pasti akan merealisasikan tuntutan kedua-dua istilah *ekonomi* dan *iktisad* yang memang merujuk kepada pentadbiran dan pengurusan perbelanjaan yang baik dalam memenuhi keperluan hidup masing-masing.

Meskipun kedua-dua istilah *ekonomi* dan *iqtisād* mempunyai persamaan dalam memberi implikasi yang positif terhadap penggunaan sumber, namun pada hakikatnya, kedua-dua istilah ini mempunyai perbezaan yang amat besar kerana kedua-duanya tidak bertitik tolak dari persekitaran budaya dan pandangan hidup yang sama. Lebih-lebih lagi, kedua-duanya tidak mempunyai persamaan dari segi perspektif asas falsafah dan metodologi disiplin tersebut. Dalam Islam penghayatan amalan *iqtisād* ini adalah berkaitan dengan konsep tanggungjawab dan amanah terhadap harta yang dianugerah Allah s.w.t. demi mencapai kejayaan dunia dan akhirat.

---

<sup>22</sup> Abu Muḥammad ibn Abī Bakr Abd Allāh Ibnu Qayyim (1990). *Al Rūḥ*. Syed Ahmad Semait(terj.), Singapura : Pustaka Nasional Ptc. Ltd, h. 471-472.

## 2.3 DISIPLIN DAN SKOP EKONOMI.

Ekonomi merupakan satu disiplin ilmu yang berkait rapat dengan kemasyarakatan.<sup>23</sup> Ekonomi dikategorikan juga sebagai Sains Kemasyarakatan kerana skop kajiannya menjurus kepada pelbagai kegiatan manusia di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Bidang ekonomi adalah merupakan satu aspek gelagat manusia yang berkaitan dengan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Selari dengan satu penakrifan ekonomi oleh Paul A. Samuelson yang menyatakan:

*...bahawa ekonomi adalah kajian gelagat manusia dalam hubungannya dengan penggunaan sumber-sumber pengeluaran yang terhad untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan dan mengagihkan untuk penggunaan.*<sup>24</sup>

Sebenarnya dari perspektif ekonomi moden, ekonomi ditakrif dengan berbagai pendekatan dan cara. Antaranya ada juga menyatakan ekonomi sebagai suatu sains sosial yang mengkaji mengenai pengeluaran, pengagihan dan penggunaan kekayaan.<sup>25</sup> Lantaran itu perbincangan secara khusus mengenai ekonomi, boleh dikatakan tidak mendapat kesepakatan di kalangan ahli-ahli ekonomi. Malah menurut J.L. Hanson:

*...pernah pada suatu ketika, jumlah definisi subjek ini hampir menyamai dengan jumlah ahli-ahli ekonomi, di mana amat sedikit*

<sup>23</sup> K. E. Boulding (1990), *Economics as a Science*. New Delhi : Tata Mc Graw-Hill Publishing Company Ltd. New Delhi, h.22.

<sup>24</sup> P. A. Samuelson (1983), *Economics*, edisi ke 9. New York : Mc Grave Hill Book Co. New York, h. 3.

<sup>25</sup> W. A. Sabin & N. Warren (1983), *Dictionary of Modern*. USA : Mc Graw-Hill, h. 152.

*penulis mengenai ekonomi yang berpuashati dengan definisi yang dikemukakan oleh penulis-penulis sebelumnya,<sup>26</sup>*

Daripada pelbagai definisi ekonomi yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli ekonomi, definisi yang diterima ramai menurut Sundharam dan Secger<sup>27</sup> ialah yang dikemukakan oleh Alfred Marshall di dalam bukunya *Principles of Economics*.<sup>28</sup> Beliau mentakrifkan ekonomi sebagai pengajian tentang manusia di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Ia meneliti segala tindakan individu dan tindakan sosial yang berkait rapat dengan pencapaian serta penggunaan semua benda yang menjadi asas kepada kesejahteraan hidup.

Sebaliknya, ekonomi Islam pula sewajarnya dibahaskan secara teliti dalam ruang lingkup sistem Islam yang menyeluruh. Ini kerana Islam merupakan satu sistem hidup yang lengkap, saling berkait secara seimbang di antara satu dengan yang lain. Hukum hakamnya juga mempunyai hubungan dengan akidah, akhlak dan praktis.<sup>29</sup> Dr. Husyam Ghanim pula menyatakan perbahasan ekonomi Islam adalah berdasarkan gambaran sebenar akidah di dalam Islam itu sendiri, manakala pertumbuhan dan aktiviti ekonomi manusia tidak dapat menghasilkan buah yang baik kecuali sah akidah manusia itu.<sup>30</sup> Bertepatan sekali dengan firman Allah s.w.t. :

---

<sup>26</sup> J.L. Hanson (1977), *A Text Book of Economics*. Ply Mouth : Mac Donald and Evan Limited, h. 3.

<sup>27</sup> S. Murry (1990), *Economics Made Simple – A Student's Guide*. Singapore : Times Books International, h. 9.

<sup>28</sup> Alfred Marshall (1962), *Principle of Economics*, edisi ke 8. London : The English Language Book Society and Macmillan & Co. Ltd., hal. 1.

<sup>29</sup> Hasan al-Syadli (1979), *al-Iqtisād al-Islāmi-masādiruh wausūuh al-māl wa tanmiyatuh, dirāsah muqāranah*. Kaherah : Dār al-Ittihād, h. 12.

<sup>30</sup> Husyam Ghanim (1990), *al-Iqtisād Islāmi Tabi 'atuh wa majallātuh*, Makkah : Dārul Wafa' Li Tabaah Nastru Watauzīz, Jamiatul Ummul Qura, hal. 9

وَلَقَدْ أَوْحَىٰ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِن أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ  
وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

*Terjemahan: Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah s.w.t. ) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi.*

*Sūrah al-Zumar (39): 65.*

Dalam firman Allah s.w.t. :

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ  
وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ  
أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ  
مُسَدِّعِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ وَمَن يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ  
وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

*Terjemahan: Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lezat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang*

*menjaga kehormatannya-di antara perempuan-perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka maskahwinnya, sedang kamu (dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

*Sūrah al-Mā'idah (5): 5.*

Pembersihan zahir dan batin atau *al-Tazkiyyah* juga menjadi falsafah hidup muslim. Ia berfungsi membebaskan unsur-unsur negatif daripada aktiviti-aktiviti ekonomi. Individu yang bersedia menghayatinya mampu menjadikan aktiviti ekonominya adil, produktif dan memiliki perlakuan baik tanpa penipuan, rasuah, malas, riba dan sebagainya.<sup>31</sup>

Pengajian ekonomi yang dibincangkan oleh sarjana-sarjana barat bukanlah satu perkara yang baru kerana ianya juga berdasarkan sumber rujukan asas dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Hadith. Perkara-perkara ini telah pun dinyatakan oleh Afzalur Rahman serta telah menyenaraikan dengan cara yang sistematik beberapa ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ekonomi serta membuat pembahagian khusus ayat-ayat yang berkaitan dengan

---

<sup>31</sup> Muhammad 'Abd Mun'im al-Jamāl (1992), *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Jilid 1, Salahuddin Ayob (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.



aspek pengeluaran, pengagihan dan penggunaan.<sup>32</sup> Muhammad Akram Khan menyatakan bahawa, ulamak telah mengumpulkan pelbagai hadith yang berkaitan secara khusus dengan bidang ekonomi.<sup>33</sup>

Fungsi-fungsi ekonomi yang telah dibincangkan di atas, jika diteliti berdasarkan suluhan hadith Rasulullah s.a.w. dalam sabda-sabdanya telah pun menyentuh persoalan-persoalan ini. Menurut sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah r.a., Nabi s.a.w. telah dilaporkan bersabda:

*Bahawa seseorang kamu di pagi hari pergi mencari dan memikul kayu api di atas belakangnya, lalu hasil yang diperolehi disedekahkan kepada orang lain serta memenuhi keperluannya tanpa meminta daripada orang lain, adalah lebih baik daripada meminta dan mengemis, baik diberi ataupun tidak diberinya. Demikian, kerana tangan yang di atas (yang memberi) adalah baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima).<sup>34</sup>*

Berdasarkan hadith di atas, dapatlah dilihat bahawa dengan contoh yang sangat sederhana, Nabi s.a.w. telah menyentuh persoalan ekonomi dalam segenap fungsinya iaitu;

- i) Aktiviti pengeluaran-melalui usaha mencari kayu api.
- ii) Aktiviti pengagihan-melalui amalan sedekah terhadap yang diperolehi.
- iii) Aktiviti penggunaan-melalui usaha memenuhi keperluan sendiri.

---

<sup>32</sup> Afzalul ar- Rahmān (1983), *Subject Index of Qurān*. Jil 1-4. Lahore : Islamic Publications Ltd., h. 82 – 122.

<sup>33</sup> Muhammad Akram Khan (1992), *Economic Teachings of Prohet Muhammad – A Selected Anthology of Hadith Literature on Economics*. Delhi : Noor Publishing House, h. 27.

<sup>34</sup> Sahih Muslim (1986), *Kitab Bhavan*, vol 2, Abdul Hamid Siddiqi(terj.), Delhi : Kitab Bahavan, h. 497.

Hadith di atas tidaklah sekadar memberi bayangan tentang skop ekonomi seperti yang telah dibincangkan, malah terdapat sarjana Islam yang membuat interpretasi yang lebih luas terhadap hadith ini kerana ia menjadi asas penyelesaian kepada isu yang lebih mendalam kepada masalah-masalah ekonomi seperti kemiskinan.<sup>35</sup> Oleh itu disiplin ekonomi secara khusus berkaitan dengan pelaburan manusia dalam mengeluarkan, mengagih dan mengguna sumber-sumber yang dianugerahkan Allah s.w.t kepada manusia. Perbezaan antara ekonomi Islam dan ekonomi konvensional dalam persoalan ekonomi ianya bertitik tolak dari usaha memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad, malah turut menekankan kehendak Allah s.w.t. terhadap manusia dalam bidang ini. Dalam ertikata lain, manusia mestilah mengeluarkan, mengagih serta mengguna sumber-sumber ekonomi selaras dengan kehendak Allah s.w.t. seperti yang tergambar dalam peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam di dalam bidang-bidang yang berkaitan.

#### 2.4 KONSEP MANUSIA EKONOMI DAN MANUSIA ISLAM.

Konsep manusia di dalam ekonomi pasaran adalah dinilai sebagai manusia sosial, yang dicipta bertujuan untuk melaksanakan keperluan moral kemudiannya telah diubah kepada konsep manusia ekonomi.<sup>35</sup> Ekonomi konvensional menganggap manusia sebagai satu keluaran semulajadi secara spontan. Bahkan teori ekonomi sekular mengakui bahawa konsep manusia ialah satu kejadian (bukannya makhluk) iaitu, hasil keluaran alam.<sup>36</sup> Kewujudannya tidak semestinya mempunyai sebarang maksud yang muktamad, ia cuma

---

<sup>35</sup> Dr. Yusūf al-Qarāḍawī (1995), *Musykilāt al-Fakr : Wakayfa 'alajahā al-Islām*. Kaheerah: Maktabah Wahbah, h. 21

<sup>35</sup> John Black (1977), *Dictionary of Economics*. New York : Oxford University Press, h. 137.

<sup>36</sup> Muḥammad Akram Khan (1995), *Economics message of the Quran*. Kuwait : Islamic Book Pub., h. 20.

wujud di dunia ini sahaja. Realiti kehidupan hanya perlu diterokai di dunia. Kesempurnaan manusia pula boleh dicapai tanpa sebarang bantuan kuasa luarbiasa.

Oleh itu tidak ada sebab individu ekonomi barat perlu kepada mana-mana kuasa yang agung, melainkan tunduk kepada mekanisme pasaran,<sup>37</sup> yang telah direka oleh mereka sendiri. Adam Smith pelopor kepada sistem ekonomi kapitalis ada menerangkan undang-undang di pasar adalah yang terpenting dalam menentukan sesuatu masyarakat itu, katanya :

*“For the laws of the market themselves will be integral part of the larger laws which cause society to prosper or decay. The mechanism by which the heedless individual is kept in line with everybody else will affect the mechanism by which society itself changes over the years ”.*<sup>38</sup>

Undang-undang Pasar *Law of the Market* yang dianjurkan oleh Adam Smith adalah ringkas. Sifat mementingkan diri *self-interest* yang terdapat dalam naluri manusia akan merangsangkan seseorang individu kepada persaingan dalam pengeluaran barangan kepada masyarakat, iaitu jumlah kuantiti yang masyarakat perlu dan paras harga yang sanggup dibayar oleh masyarakat. Sifat mementingkan diri ini menjadi daya penggerak utama yang seterusnya mewujudkan sistem ekonomi kapitalis. Menurut Adam Smith :

*It is not from the benevolent of the butcher, the brewer, or the baker that we expect our dinner, but from their regard to their self-*

---

<sup>37</sup> Ekonomi Pasaran ialah ekonomi yang bergantung pada kuasa pasaran untuk menyelesaikan masalah utama ekonomi dimana penawaran dan permintaan yang menentukan harga. Sila lihat *Kamus Ekonomi* (1993), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 33.

<sup>38</sup> Nik Mustapha Hj Nik Hassan(1992), “Asas-Asas Falsafah dan Etika Ekonomi Islam”( Kertas Prosiding kursus Ekonomi Islam. Sintok, Kedah : Sekolah Ekonomi UUM.), h. 4-5.

*interest. We address ourselves, not to their humanity, but to their self-love, and never talk to them of our necessities, but of their advantages*.<sup>39</sup>

Falsafah yang melihat manusia sebagai kejadian yang mementingkan diri, melahirkan konsep "*manusia ekonomi*". Manusia yang akan bergantung kepada perhitungan dengan teliti dan berhati-hati ke arah pencapaian kejayaan ekonomi. Kejayaan ekonomi mengikut kefahaman Kapitalisme boleh ditakrifkan sebagai memperolehi kekayaan dengan kadar yang maksimum dari tindakan manusia. Pencapaian di dalam pemilikan harta berbentuk wang atau barangan adalah merupakan matlamat utama dalam kehidupan seseorang individu.<sup>40</sup>

Adam Smith pengarang *Wealth of Nation* yang juga mengarang *Theory of Moral Sentiments* kerana idea-idea di dalamnya memperjelaskan lagi kefahaman tentang falsafah ekonomi. Menurut Adam Smith lagi tingkah laku manusia didorong secara semulajadi oleh enam motif iaitu cinta diri, simpati, keinginan untuk bebas, perasaan sopan santun, tabiat mahu bersungguh-sungguh dan kecenderungan untuk bertukar-tukar barangan. Berdasarkan rangsangan ini, setiap orang secara semulajadi boleh membuat pilihan sendiri dan seharusnya dibiarkan sendiri. Seseorang itu bukan sahaja memperolehi apa yang terbaik bagi dirinya, malah dia akan menghasilkan lebih banyak kebaikan awam. Motif

---

<sup>39</sup> Ibid., hal. 5

<sup>40</sup> Afzalur Rahman(1994), *Doktrin Ekonomi Islam*, j. 1 Zaharah Salleh(terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 40.

yang berlainan bagi tindakan manusia begitu seimbang sehinggakan kebaikan bagi seseorang tidak bertentangan dengan kebaikan untuk semua.<sup>41</sup>

Cinta kepada diri sendiri disertai dengan motif lain, terutama simpati dan tindakan daripadanya tidak boleh tidak akan melibatkan kebaikan bagi orang lain bersama-sama dengan keuntungan bagi diri sendiri. Berdasarkan kepercayaannya kepada imbalan semulajadi bagi motif manusia, maka Adam Smith mengemukakan pernyataan yang masyhur bahawa dalam memburu kebaikan setiap individu dipandu oleh 'Tangan Yang Tak Nampak'.<sup>42</sup>

Islam pada asasnya tidak dapat mencria pandangan yang sedemikian kerana apabila setiap individu berusaha untuk memenuhi kehendaknya akan mewujudkan jurang perbezaan di dalam masyarakat. Golongan berkemampuan akan menyekat peluang golongan tidak berkemampuan untuk melakukan penggunaan. Kemungkinan juga berlaku pembaziran dan kerosakan ke atas sumber-sumber yang digunakan. Adalah mustahil kehendak masyarakat akan terhasil dengan sendiri tanpa sumbangan yang dilakukan oleh individu-individu lain di dalam masyarakat tersebut. Ini kerana Islam mengakui bahawa kebajikan individu dan masyarakat lebih merupakan pelengkap, bukannya bersaing dan bertentangan. Oleh itu, ia menggalakkan kerjasama disebalik persaingan dan permusuhan, di samping membentuk suatu perhubungan yang rapat di antara individu. Dalam sistem Islam, kepentingan individu dianggap sebagai kepentingan masyarakat dan sebaliknya,

---

<sup>41</sup> Eric Roll (1995), *Sejarah Pembinaan Ekonomi*. Adzman Shamsuddin(terj). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 120-121.

<sup>42</sup> Ibid, h. 121.

jika masyarakat mundur, individu akan menderita dan jika individu makmur masyarakat juga makmur.<sup>43</sup>

Namun ia mungkin berlaku hanya apabila kebajikan individu dan masyarakat dipertahankan sebaik mungkin, sehinggakan dalam mendapatkan keperluan-keperluan peribadi, mereka tidak melenyapkan kepentingan yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jika mereka sendiri memperolehi faedah, mereka membenarkan yang lain menikmati sama. Sekiranya mereka tidak memperolehi sebarang faedah daripada sesuatu bidang usaha, mereka akan menyempurnakannya untuk kebajikan orang lain, yang akan mendapat faedah daripadanya. Ini menunjukkan bahawa dalam sistem Islam, setiap bahagian individu berada dalam kebajikan orang lain dan kebajikan individu serta masyarakat itu saling lengkap-melengkapi.

Oleh yang demikian, sistem ekonomi Islam mestilah berdasarkan kepada konsep keharmonian di antara kepentingan individu dan masyarakat. Ia tidak mengasingkan individu daripada masyarakat ataupun membenarkan pergeseran aspek kebajikan individu dengan masyarakat. Dalam penekanan yang lain, Islam juga melihat manusia sebagai hamba sosial yang membentuk personalitinya apabila berada dalam masyarakat.

Ibadat sembahyang oleh individu ekonomi misalnya, memantapkan lagi urusan ekonomi seharian. Ditunai lima kali sehari tanpa dilalaikan oleh urusan jual beli dan perdagangan. Selepas selesai bersembahyang, Islam menggalakkan kegiatan ekonomi dipergiatkan.

---

<sup>43</sup> Afzalur ar-Rahmān (1994). *op. cit.*, j. 1, h. 39.

Menolak andaian bahawa individu hanya bermunajat serta berdoa sahaja untuk meningkat pengeluaran tetapi inilah yang melemahkan masyarakat.<sup>44</sup> Al-Quran mengingatkan umat Islam dengan firman:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا  
اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

*Terjemahan: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah s.w.t., serta ingatlah akan Allah s.w.t. banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

*Sūrah al- Juma'at ( 62): 10.*

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud : *Cari kurnia (rezeki) Allah s.w.t.* dalam ayat tersebut memberi pengertian segala bentuk perniagaan yang halal dan sah, termasuk jual-beli, perindustrian, perdagangan dan sebagainya, yang melibatkan orang ramai dalam usaha mendapatkan sumber kehidupan mereka.

Seterusnya umat Islam dibenarkan untuk berniaga sepanjang musim haji. Ini membuktikan bahawa ibadat dan perjuangan ekonomi merupakan keperluan untuk kebajikan dan pembentukan personaliti manusia. Ini dijelaskan lagi oleh firman Allah s.w.t. :

---

<sup>44</sup> Ibid., h.41.

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ  
فَأَذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِّنْ  
قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ

*Terjemahan: Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah s.w.t. (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah s.w.t. dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.*

*Sūrah al- Baqarah, (2): 198.*

Ayat di atas memberi jaminan bahawa mencari kepentingan dunia tidak bertentangan dengan hakikat penyerahan diri kepada Tuhan dan tidak ada salahnya jika menjalankan perniagaan semasa menunaikan haji. Islam membenarkan umatnya untuk melibatkan diri dalam jual-beli yang halal atau perniagaan lain yang bebas daripada unsur-unsur judi dan penipuan. Firman Allah s.w.t. berikut menjelaskan kedudukan itu:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ  
تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا



*Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah s.w.t. sentiasa Mengasihani kamu.*

*Sūrah al Nisā' (4): 29.*

Oleh demikian, terbukti bahawa Islam bukanlah suatu kepercayaan duniawi yang aneh, hanya meminta manusia untuk menyelamatkan jiwanya bagi kehidupan akhirat. Ia merupakan agama yang mengajar manusia cara untuk berbahagia semasa hidup dalam dunia dan juga ketika persemadian di Akhirat.

Periktibaran kegagalan lalu bagi sistem ekonomi moden perlu dilihat secara praktikal. Sebagai contoh pada era kemajuan industri di Eropah, manusia telah diberi kebebasan peribadi secara mutlak. Sistem seperti ini, yang berkembang pada ketika itu, memberi kesan kepada perpindahan beramai-ramai peladang dari luar bandar ke bandar-bandar untuk bekerja di kilang-kilang dengan dibayar gaji yang sangat rendah, walaupun bekerja sepanjang hari (lebih kurang 15 jam sehari). Apabila mereka membantah, mereka dibuang dan diganti dengan perempuan dan kanak-kanak dengan kadar upah yang lebih rendah. Begitulah layanan sistem ekonomi kapitalis terhadap pekerja, kerana fokusnya hanya kebendaan dan mementingkan diri sendiri.<sup>47</sup>

---

<sup>47</sup> Dr. Abbas Husni Muhammad (1996), *Perhubungan Fiqah Islam*, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia., h. 75

Implikasi pemikiran seperti ini, melahirkan keadaan yang lebih buruk, sehingga sesetengah pihak di Eropah terpengaruh pula dengan idea Karl Mark yang lebih dahsyat, yang kononnya untuk menyelamatkan masyarakat daripada kezaliman dasar pemilikan individu. Dalam ajaran Karl Mark hak pemilikan individu dinafikan, manusia tidak boleh memiliki kecuali apa yang dimakan dan diminum sahaja. Keadaan menjadi bertambah buruk. Semua ini bertitiktolak daripada pemikiran yang mengenegipikan pengabdian diri kepada Allah s.w.t. dan menyangka bahawa manusia dengan pemikirannya mampu menjadi pengeluar untuk negara dan masyarakat dan dialah juga pemerintah, pengurus serta pembuat neraca akhlak manusia.

Justeru itulah dalam keghairahan pembangunan sosial ekonomi faktor manusia menghadapi cabaran yang hebat dalam mempertahankan kemanusiaan yang sebenar atau menjadi hamba kebendaan. Pertahanan manusia dapat dilakukan apabila manusia berdiri sebagai hamba Allah s.w.t. atau pemegang amanahnya tetapi apabila perlucutan perhubungan dengan Allah s.w.t. berlaku, manusia akan menjadi hamba kepada kebendaan.

Adunan proses pembangunan ekonomi walaupun diselitkan juga dengan elemen-elemen pembangunan Islam, namun ianya masih terganggu kerana kecenderungan manusia kepada cintakan harta adalah tinggi sebagaimana firman Allah s.w.t. :

## وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمًّا

*Terjemahan: Serta kamu pula sayangkan harta secara tamak haloba!*

*Sūrah al Fajr (89) : 20.*

Begitulah hebatnya sistem pembangunan ekonomi dalam mengaburi kedudukan manusia itu sendiri. Pada Islam ianya terjadi kerana asas dan matlamat tidak kembali kepada Islam yang sebenarnya, sehingga terdorong ke lembah kehinaan. Jelas prinsip manusia Islam sama sekali berbeza dengan konsep manusia ekonomi di antaranya :

### 2.4.1 Manusia makhluk ciptaan Allah s.w.t.

Manusia ciptaan Allah s.w.t. mempunyai matlamat serta bersedia menerima perubahan, manakala konsep manusia dalam ekonomi moden dikatakan terjadi dengan sendirinya serta tidak mempunyai apa-apa matlamat kecuali kesempurnaan diri sendiri seperti yang dijelaskan oleh Patterson.

*Konsep manusia ini terjadi dengan sendiri dan tidak mempunyai apa-apa matlamat.*<sup>45</sup>

---

<sup>45</sup> C. H. Patterson(1974), *Relation Counseling and Psychotherapy*. New York : Harper and Row Publisher, h. 69

Hakikat ini berbeza dengan ekonomi Islam meletakkan manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. di bumi untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. semata-mata sebagaimana firman Allah s.w.t. :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*

*Sūrah adz dzaāriyaāt (49): 56.*

Ini menjelaskan bahawa manusia mempunyai tanggungjawab dalam kehidupan, terutama bidang ekonomi dengan mengeksploitasi sumber-sumber alam sepenuhnya. Semakin giat seseorang itu dalam aktiviti ekonomi, maka lebih baik dan mulia serta mendapat tempat di sisi agama.

#### 2.4.2 Manusia Yang Berakhlak

Hakikat kemuliaan manusia bergantung kepada kualiti akhlak, tidak seperti manusia ekonomi yang melihat sebagai haiwan ekonomi. Ini dibezakan oleh Edward dalam huraianannya bahawa:-

*“manusia dianggap sebagai haiwan sosial, berpolitik, berfikir, di mana fungsi tidak lebih sebagai mesin yang berfungsi melalui proses mekanikal”<sup>46</sup>*

<sup>46</sup> Edwards (1967), *Encyclopedia of Philosophy : Human Nature*. London : Macmillan Co., h.826-827.

Namun konsep makhluk manusia yang dilihat oleh Islam sebagai makhluk ciptakan pergaulan, persahabatan, bekerjasama, tolong menolong, lindung melindungi antara satu sama lain. Ianya berlainan dengan konsep manusia ekonomi yang meletakkan kebebasan ekonomi untuk semua manusia dan ditinggalkan bersendirian bagi mencapai matlamatnya. Terutama kebebasan penuh diberi dalam pasaran untuk menentukan nasib mereka. Perhubungan antara seseorang dengan seorang yang lain samalah perhubungan antara penjual dan pembeli apabila memasuki pasaran yang tebal dengan sifat individualistik dan tidak bertanggungjawab. Ini seperti yang ditegaskan oleh E.F Schumacher dalam tulisannya menyatakan :

*Secara umum, pasaran ialah tempat yang sudah sebatik dengan individualisme dan tidak bertanggungjawab kepada sesiapa kecuali dirinya sendiri.*<sup>47</sup>

#### 2.4.3 Manusia Sebaik-baik Kejadian.

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah s.w.t. yang terbaik dan paling mulia. Tarafnya diangkat sebagai khalifah di bumi. Tidak ada yang lebih mahal selain nilai-nilai yang ada pada manusia. Semua perubahan dan kemajuan yang berlaku, bermula daripada jiwa dan akal lantas manusia mencari jalan untuk membangunkan alam serta berperanan mencorakkan ekonomi supaya lebih maju. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. :

---

<sup>47</sup> E. F. Schumacher (1973), *Small is beautiful, A Study of Economics as if people mattered*. Calcutta : ( t p), h.36.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

*Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

*Sūrah at-Tīn (8): 4.*

Jesteru kedudukan manusia adalah penting dalam mana-mana sistem ekonomi, hanya sejauhmana kepentingan manusia diolah pada fungsi yang sebenar dalam merealisasikan perjalanan sesebuah ekonomi.

## 2.5 KEKURANGAN RELATIF DALAM EKONOMI MODEN DAN ISLAM.

Aspek kekurangan juga dianggap penting dalam ekonomi. Ini disebabkan sifat semulajadi manusia yang mempunyai kehendak yang tidak terbatas berhadapan dengan sumber-sumber yang terhad memberi impak yang besar kepada keputusan-keputusan ekonomi.

Kekurangan (*scarcity*), dari segi bahasa ialah masalah atau ketidakseimbangan.<sup>48</sup> Menurut David N. Hyman, kekurangan ialah ketidakseimbangan di antara citarasa-citarasa terhadap barangan dan perkhidmatan.<sup>49</sup> Manakala Muhammad Abdul Manan pula mengutarakan bahawa masalah asas ekonomi manusia berpunca dari hakikat bahawa kita mempunyai pelbagai kehendak yang pada umumnya tidak dapat dipenuhi melainkan jika kita

<sup>48</sup> J. Grawther (1995), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, fifth edition. United Kingdom : Oxford University Press., h. 1047.

<sup>49</sup> D. N. Hyman (1993), *Modern Microeconomics Analysis an Application*, Third Edition. Boston : Richard D. Irwin Inc., h. 2.

membelanjakan sumber-sumber tenaga manusia dan peralatan material yang begitu terhad.<sup>50</sup>

Fenomena kekurangan relatif sebenarnya relevan dengan Islam, cuma berbeza dengan konsep kekurangan mutlak. Islam tidak bersetuju dengan konsep kekurangan mutlak, kerana ilmu pengetahuan manusia adalah terhad untuk membayangkan potensi nikmat masa depan dari Allah s.w.t. yang tidak terhingga. Ini dijelaskan dalam firman Allah s.w.t.

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

*Terjemahan: Sesungguhnya Allah s.w.t. Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.*

*Sūrah al Zāriyāt (51): 58.*

Berdasarkan penjelasan di atas, didapati bahawa masalah asas ekonomi Islam terangkum dalam aspek mikroekonomi, iaitu masalah peruntukan dan pengagihan. Oleh itu dalam proses ini masalah kekurangan relatif menimbulkan masalah pilihan kerana tiap-tiap pilihan akan menghadapi kos melepasi. Secara ringkas masalah-masalah asas yang sering diajukan dalam ekonomi ialah :

<sup>50</sup> Muḥammād Abdul Manān(1994), *Ekonomi Teori dan Praktis*, j.1, c.2. Radiah A. Kader (terj.), Kuala Lumpur : A.S. Nordeen, h. 37.

- a) Apakah jenis barangan dan perkhidmatan yang harus dikeluarkan dan berapa banyak ?.
- b) Bagaimana hendak dikeluarkan ?.
- c) Untuk siapa ?.

Jawapan kepada persoalan-persoalan ini boleh dikaji dari sudut positif dan normatif<sup>51</sup> iaitu suatu kaedah yang melibatkan nilai dalam analisis. Nilai yang bersumber Al-Quran.<sup>52</sup>

Menerusi pandangan Sadono Sukirno pula melihat bahawa manusia, menghadapi banyak masalah ekonomi adalah diakibatkan oleh ketidakseimbangan dalam dua perkara berikut:<sup>53</sup>

- a) Kehendak-kehendak manusia untuk memperoleh barang-barang dan perkhidmatan tidak terbatas.
- b) Faktor pengeluaran yang tersedia adalah terhad jumlahnya.

Keadaan di atas menggambarkan faktor-faktor pengeluaran tidak mungkin dapat mengeluarkan semua barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki manusia. Ia hanya dapat mengeluarkan sebahagian kecil sahaja daripada kehendak-kehendak mereka. Ini selari dengan pandangan Heinz Kohler:-

*“Because economists are forever telling people that ours is a world of scarcity wherein people can never have all they want, economics*

---

<sup>51</sup> Positif adalah branch of economic inquiry that deal with value judgements dan normative is that branch of economic inquiry that is concerned with the world as it is rather than the consequence of changes in economic conditions or policies. Sila lihat McKenzie (1896), *Microeconomics*, Boston : Houghton Mifflin Company, h. 13.

<sup>52</sup> Saiful Azhar Rosly, *op. cit.*, hal. 12

<sup>53</sup> Sodono Sukirno (1998), *Mikroekonomi*. Kuala Lumpur : Aneka Publishing, h. 104.



*is often called "the dismal science". Yet actually economists are far from content with being prophets of gloom. While they recognize that scarcity is a built-in fact of life-not only for isolated Bushmen and Eskimos, but also for so much richer Russians and Americans.<sup>54</sup>*

Lantaran itulah masalah ekonomi tidak dapat diselesaikan selagi kekurangan sumber masih wujud. Menurut teori kapitalis, keinginan dan keperluan manusia itu tidak ada hujungnya. Sebagai penyelesaian, mereka memberi pilihan dengan cara membangunkan lagi sumber pengeluaran serta menyemak kembali sistem agihan tanpa mempersoalkan sama ada keperluan itu, wajar atau layak bagi kehidupan manusia.<sup>55</sup>

Menurut Maxis pula, masalah ekonomi berlaku antara dua pertembungan, daya pengeluaran dan persoalan hak milik. Jika kedua-dua pertembungan itu dapat disatukan, hayat ekonomi itu akan seiringan.<sup>56</sup> Justeru itulah bahawa masalah ekonomi mengikut teori sosialis adalah disebabkan oleh sistem kapitalis bukan kerana kurangnya barangan atau perkhidmatan. Masyarakat sosialis mendapat semua yang diperlukan dan mereka gunakan pada masa yang dikehendaki. Tidak wujud konsep kekurangan atau krisis barangan..

---

<sup>54</sup> Heinz Kohler (1989), *Comparative Economic Systems*. USA : Scott Foresmen & Company, h. 8.

<sup>55</sup> Abd. Rahmān Zaki Ibrahim (1998) *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*, Mujaini Tanimin(terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

<sup>56</sup> *Ibid*, h. 37.

Mengikuti Islam, masalah ekonomi yang melanda masyarakat tidak ada kaitan langsung dengan krisis sumber ekonomi dan mekanisme pengagihan. Punca utamanya ialah sikap manusia itu sendiri. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. :

وَأَتَّكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا إِنَّ  
الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ

*Terjemahan: Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah s.w.t. nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.*

*Sūrah Ibrāhīm, (14) : 34.*

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah s.w.t. melimpahkan nikmat kepada setiap manusia di mana sahaja mereka berada dengan menyediakan sumber-sumber ekonomi yang banyak bagi menampung keperluan mereka. Sebaliknya manusia mensia-siakan anugerah itu dengan bersikap zalim dan kufur. Golongan yang mempunyai kuasa dan kaya memonopoli kekayaan semua sumber ekonomi untuk kepentingan dan kepuasan mereka sendiri. Sedangkan golongan yang tidak bernasib baik iaitu golongan majoriti dalam masyarakat, tidak mendapat peluang untuk berbuat demikian kecuali sedikit sahaja. Kufur dan zalim ialah seorang yang tidak menggunakan sumber alam sebagai mekanisme pelaburan untuk

memaksimalkan pengagihan sebaliknya dibiarkan dengan sia-sia, sedangkan manusia adalah khalifah Allah s.w.t. di muka bumi.<sup>57</sup>

Berasaskan pandangan ekonomi konvensional, fenomena kekurangan yang wujud merupakan kekurangan secara mutlak iaitu ketidakcukupan faktor-faktor pengeluaran yang tersedia di dalam dunia.<sup>58</sup> Tetapi sebaliknya Allah s.w.t. memperjelaskan dalam firman:

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيضُ الْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ وَكُلُّ شَيْءٍ  
عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ

*Terjemahan: Allah s.w.t. mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu, dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih. Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu.*

*Sūrah al- Ra'du (13) : 8.*

Allah s.w.t. sahajalah Yang Maha Mengetahui dengan sebenar-benarnya jumlah benda-benda yang diciptakannya dan manusia hanya mengetahui apa yang dilihat pada zahir sahaja.

<sup>57</sup> Abd. Al-Aziz Fahmi Haykāl (1988), *Madkhāl Jilal-Iqtisād al-Islām*. Iskandariyah : Dār Jami'ah, h. 41 – 46.

<sup>58</sup> Saiful Azhar Rosly (1986) *Penggunaan, Pengeluaran dan Pengagihan – Kursus JangkaPendek Ekonomi Islam*, Petaling Jaya : Universiti Islam Antarabangsa, h. 11.

Firman Allah s.w.t. lagi:

الَّذِي لَهُ مَلِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ  
فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا

*Terjemahan: Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahannya; dan Dia lah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna.*

*Sūrah al Furqan (25) : 2.*

Berdasarkan ayat di atas nyatalah bahawa Allah s.w.t. mencipta segala sesuatu dalam nisbah dan kadar yang tertentu, ini bermakna apabila Allah s.w.t. mencipta manusia, dan Dia juga menyediakan sumber-sumber secukupnya kepada manusia sehingga akhir hayat. Ini termaktub dalam firman Allah s.w.t. :

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا إِنَّ اللَّهَ لَذُو  
فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

*Terjemahan: Allah s.w.t. yang menjadikan malam untuk kamu supaya kamu berehat padanya, dan menjadikan siang terang-benderang (supaya kamu berusaha). Sesungguhnya Allah s.w.t. sentiasa melimpah-limpah kurniaNya kepada manusia seluruhnya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.*

*Sūrah Ghāfir (40): 61.*

Sekiranya sumber-sumber tersebut mengalami kesusutan atau hilang dari alam ini, sudah tentu keseimbangan dari ciptaan Allah s.w.t. pada alam ini akan terganggu dan ini melibatkan kemusnahan alam.

Berdasarkan firman Allah s.w.t. :

وَأَخْتَلَفِ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ رِزْقٍ فَأَحْيَا بِهِ  
الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ ؕ آيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

*Terjemahan: Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah s.w.t. dari langit, lalu Ia hidupan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandung) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah s.w.t., kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran.*

*Sūrah al Jāsiyah (45) : 5.*

Walaupun alasan bahawa, sumber-sumber terbatas tapi ada alternatifnya. Tambahan pula manusia mempunyai pengetahuan serta kemampuan untuk mengeksploitasi sumber-sumber Allah s.w.t. yang masih tersimpan. Namun ketinggian ilmu pengetahuan, manusia juga masih tidak berupaya menghitung nikmat-nikmat Allah s.w.t. sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah s.w.t. :

وَإِنْ تَعَدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

*Terjemahan: Dan jika kamu menghitung nikmat Allah s.w.t. (yang dilimpahkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

*Sūrah Al Nahlu (16) : 18.*

Oleh sebab itu sumber-sumber ekonomi terbatas secara fizikal sahaja, terutama bila melihat kepada persoalan kekurangan relatif. Sebaliknya segala sumber-sumber yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada manusia ada yang boleh digunakan secara langsung seperti cahaya matahari, udara dan sebagainya. Ada yang memerlukan tenaga untuk menukarkan sumber-sumber tersebut kepada bentuk yang boleh digunakan.

Sebagai contoh input fizikal seperti buruh, tanah dan modal sentiasa wujud. Semua itu akan hanya merupakan ejen pengeluaran sekiranya input-input dibawa ke pasaran atau diguna secara produktif oleh manusia. Dengan lain perkataan, tanah ada, begitu juga buruh dan modal, tetapi semuanya tidak bermanfaat jika tidak digunakan. Dalam hubungan ini kita perlu sedar kepada prinsip yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

*Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya;*

*Sūrah al -Najm (53) : 39.*

Pra-syarat untuk memperolehi sesuatu berupa barangan dan perkhidmatan mesti melalui usaha atau menjalankan aktiviti pengeluaran yang produktif secara giat. Jika tidak ia akan gagal mejalani kegiatan baik di dunia ini.

## 2.6 SUMBER-SUMBER ILMU DAN RUJUKAN EKONOMI : TITIK PERBEZAAN BARAT DAN ISLAM.

Dasar utama dalam menentukan falsafah ekonomi Islam juga tidak dapat mengelak daripada sumber-sumber ilmu dan rujukan utama bagi sesebuah ekonomi. Menurut Alfred Marshall, “ antara beberapa persoalan yang amat penting bagi ahli-ahli ekonomi ialah apakah perkara-perkara yang mempengaruhi penggunaan, pengeluaran, pengagihan dan sebagainya. Perkara ini adalah merupakan persoalan pokok yang mesti ditangani oleh sumber ilmu ekonomi. Bagi maksud tersebut usaha-usaha mengumpulkan fakta, mengolah serta menganalisis fakta perlu ditangani sebaik mungkin. Dalam perbincangan ahli-ahli ekonomi moden terkemudian menyatakan bahawa kumpulan manusia dalam mana-mana masyarakat mesti menyelesaikan 3 masalah asas dalam kehidupan iaitu :

- 1- Apakah barangan dan perkhidmatan yang harus dikeluarkan ?
- 2- Berapa banyak barangan dan perkhidmatan yang harus dikeluarkan ?
- 3- Untuk siapa barangan dan perkhidmatan dikeluarkan ?<sup>59</sup>

Namun harus dipertegaskan bahawa tiga persoalan di atas tidaklah patut dilayani sepenuhnya, kerana dalam perspektif ekonomi Islam masih ada persoalan lain yang lebih

---

<sup>59</sup> D. Begg (1984), *Economics*. United Kingdom : McGraw-Hill Book Company (UK) Limited., h. 1

dasar dan penting yang sewajarnya dijawab oleh mana-mana sistem pemikiran dan agama sesebuah masyarakat. Iaitu persoalan semulajadi manusia yang tidak boleh disembunyikan oleh naluri yang ada. Soalan itu ialah :

1. Apakah alam ini sebenarnya ?
2. Siapakah yang mencipta dan menguruskannya ?
3. Apakah sifat-sifat pengurus dan bagaimana pula pertaliannya dengan manusia.
4. Apakah kedudukan manusia di alam semesta ?
5. Apakah manusia tuan secara mutlak ataupun hanya bertanggungjawab kepada suatu kuasa yang lain ?
6. Apakah tujuan hidup manusia di dunia ini ?

Bagi menjawab persoalan-persoalan ini manusia perlu kembali kepada sumber-sumber ilmu tertentu. Dalam hal ini Imam al-Ghazali rahimahullah<sup>60</sup> menggariskan dua jalan ilmu yang sepatutnya dilalui :

- 1- Pengajaran Insani (Iuaran)
- 2- Pengajaran Rabbani (Wahyu).

Majid Khan pula berpandangan, bahawa manusia mendapat kesemua ilmu sama ada mengenai benda atau bukan benda melalui empat sumber :<sup>61</sup>

- 1- Organ deria dan pancaindera.
- 2- Intelek.

---

<sup>60</sup> Imām Abu Ḥamid Muḥammād al-Ghazali (1993). *Al-Risālāt al Laduniyyah*, bin Muhammad(terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 34.

<sup>61</sup> Ghafarullāhuddin Hj. Dīn (1995). *Asas dan Konsep ekonomi : Satu Perspektif Perbandingan Ekonomi konsional dan Isam*", (Tesis sarjan Fakulti Sains Sosial, USM). h. 31



- 3- Intuisi
- 4- Wahyu.

1- Organ deria dan pancaindera.

Pancaindera boleh dianggap sumber terpenting dalam mendapatkan ilmu pengetahuan tertentu. Manusia dapat mengetahui banyak hukum-hukum fizikal dunia berasaskan pancaindera tetapi masih terhad iaitu sekadar mampu memberitahu di mana kita berada sekarang, tetapi tidak mampu menjawab daripada mana kita datang dan ke mana kita akan pergi. Oleh itu kedudukan manusia dan haiwan tiada apa-apa perbezaan, kalaulah ilmu sekadar berpaksikan ilmu pancaindera semata, manusia hanya meletakkan matlamat hidup untuk memenuhi kehendak manusia dengan cara yang lebih baik atau sekadar berebut-rebut harta untuk memenuhi keperluan yang tiada batas berbanding sumber yang terhad.

2- Intelek

Akal juga merupakan komponen penting dalam mengemukakan asas dan bukti untuk memperkukuhkan sesuatu ilmu. Islam juga memberi tempat yang tinggi kepada akal tetapi masih juga berhajatkan pancaindera dalam menganalisis sesuatu. Kescapduan kedua-keduanya pun masih terbatas dalam memahami alam ghaib.

### 3- Intuisi

Ilmu segera melalui gerak hati lahir daripada penyatuan fikiran dan kebenaran. Ilmu ini mampu dicapai oleh individu yang benar-benar bersih serta berpaut kukuh kepada Allah s.w.t.

### 4- Wahyu.

Kitab suci yang menjadi panduan umat Islam, yang merupakan pedoman hidup yang menyeluruh dan asas kepada agama Islam. Merupakan mukjizat dan sumber rujukan asli. Risalah yang diperturunkan terus menerus kepada Nabi s.a.w. Kandungannya lengkap, ideal, asasi, abadi dan sejagat. Penurunannya melalui perantaraan Malaikat Jibril a. s.

Menerusi ilmu Wahyu diperjelaskan ciptaan-ciptaan Allah s.w.t. satu persatu dan perkaitannya antara hubungan Allah s.w.t. dengan urusan kehidupan di dunia dan alam sesudah mati.. Diperjelaskan kedudukan ayat-ayat yang menjadi sumber rujukan dalam pelbagai aktiviti kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Di antaranya :

1- Mengenai hakikat alam ini dan penciptanya, Allah s.w.t. menyatakan firmanNya:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ  
﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيَّمِنُ  
الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ  
الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

*Terjemahan: Dia lah Allah s.w.t., yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Dia lah Allah s.w.t., yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala KebesaranNya. Maha Suci Allah s.w.t. dari segala yang mereka sekutukan denganNya. Dia lah Allah s.w.t., Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya); bagiNya lah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah Yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana.*

*Sūrah al-Ḥasyr (22): 24.*

2- Hakikat kerajaan Allah s.w.t. dan kekuasaannya.

al-Qur'ān menyebutkan:

قُلْ لِّمَنِ الْأَرْضُ وَمَنْ فِيهَا إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٤﴾ سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾

*Terjemahan: Tanyakanlah (wahai Muhammad): "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengctahui?". Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah s.w.t. ". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)?"*

*Sūrah al -Mu'minūn (23) : 84-85)*

3- Tentang nikmat-nikmat dalam dunia.

Firman Allah s.w.t. :

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

*Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya yang lebih baik amalnya.*

*Sūrah al-Kahfi (18) : 7.*

4- Manusia merupakan makhluk ciptaan terbaik.

Allah s.w.t. menyatakan dengan jelas dalam firmanNya:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

*Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

*Sūrah al-Ṭīn (95): 4.*

5- Hakikat alam yang tidak diciptakan secara sia-sia.

Firman Allah s.w.t. lagi:

الَّذِينَ يَذُكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِيلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ

*Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah s.w.t. semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.*

*Sūrah Āli 'Imrān (3): 191.*

6- Tentang hakikat kehidupan manusia berasaskan tujuan dan kehidupan mereka tidaklah bebas.

Al-Quran menerangkan antaranya:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

*Terjemahan: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"*

*Sūrah al-Mu'minūn (23) : 115.*

7- Tentang hakikat segala yang terdapat di bumi telah diciptakan untuk manusia, al-Quran menyebut antaranya:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً  
فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

*Terjemahan: Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hampan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi*

*Allah s.w.t., sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui  
(bahawa Allah s.w.t. ialah Tuhan Yang Maha Esa).*

*Sūrah al Baqarah (2) : 22.*

- 8- Tentang hidup dan mati adalah merupakan satu percubaan untuk manusia, al-Qur'an menegaskan:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ  
الْغَفُورُ

*Terjemahan: Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan  
hidup (kamu)-untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu:  
siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha  
Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-  
orang yang bertaubat);*

*Sūrah al Mulq (67) :2.*

- 9- Tentang hakikat hidup sesudah mati, digambarkan oleh al-Qur'an seperti berikut,  
firman Allah s.w.t. :

وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا  
يُظْلَمُونَ

*Terjemahan: Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah s.w.t. . Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun.*

*Sūrah al Baqarah (2) : 281.*

10- Tentang hakikat manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. di bumi. Firman Allah s.w.t.:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةًۭۙ قَالُوْۤا اَنْتَ جَعَلُۭۙ فِیْهَا  
مَنْ یُّفْسِدُ فِیْهَا وَیَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۗ قَالَ  
اِنِّىْۤ اَعْلَمُۭۙ مَا لَا تَعْلَمُوْنَۙ

*Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*

*Sūrah al Baqarah (2) : 30.*



## 2.7 KESIMPULAN

Keperluan meletakkan falsafah Islam sebagai dasar terpenting untuk memberi gambaran sebenar mengenai ekonomi Islam. Di samping perbincangan mengenai iqtisad dan ekonomi memperjelaskan keadilan yang sebenar hanya wujud dalam ekonomi Islam. Perkaitan yang begitu erat antara Allah s.w.t. sebagai pencipta manusia dan sumber-sumber alam yang ada, mewujudkan keharmonian serta kesedaran dalam menjalankan kegiatan ekonomi yang diredai Allah s.w.t. Sebagaimana firman Allah s.w.t. :

أَوَلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا

*Terjemahan: Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?*

*Sūrah Maryam (19): 67.*

Diikuti dengan firman Allah s.w.t. :

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

*Terjemahan: Dia lah (Allah s.w.t. ) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya*

*ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

*Sūrah al Baqarah (2) : 29.*

Jesteru itulah skop dan ruanglingkup ekonomi Islam tidak semata-mata tertumpu untuk memenuhi kehendak manusia yang sentiasa tidak puas. Namun ketundukan kepada perintah Allah s.w.t. dalam aktiviti penggunaan juga perlu dilaksanakan. Seajar dengan itu masalah kekurangan (scarcity) perlu ditangani dengan kehendak Islam yang sebenar agar manusia tidak melampaui batas. Ini berdasarkan ketetapan Allah s.w.t. dalam firmanNya:

وَلَوْ أَتَّبَعَ الْخَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ بَلْ أَتَيْنَهُمْ بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَنْ ذِكْرِهِمْ مُعْرِضُونَ

*Terjemahan: Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya. (Bukan sahaja Kami memberikan ugama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka Al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka Al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya;*

*(Sūrah al Mu'minūn, 23 : 71)*

Berdasarkan ayat-ayat Al-Qur'an di atas, jelas bahawa masalah ekonomi bukan masalah sebenar tetapi dicipta oleh manusia sendiri. Ini disebabkan oleh halangan-halangan yang

dihadapi manusia dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah s.w.t. Pada asasnya masalah kekurangan yang wujud disebabkan oleh beberapa faktor-faktor berikut :

- a) Ketidakmampuan manusia dari segi ilmu pengetahuan, oleh itu manusia tidak mampu untuk mencroakai sumber-sumber Allah s.w.t. yang masih tersimpan.
- b) Penglibatan manusia dalam kegiatan negatif seperti peperangan yang memusnahkan sumber, pembaziran dalam penggunaan.
- c) Ketidakadilan dalam pengagihan serta pengurusan terhadap sumber-sumber kekayaan yang dibekalkan Allah s.w.t.
- d) Penyimpangan manusia dalam mengambil panduan Allah s.w.t. dalam penggunaan sumber-sumber.

Akhir sekali sumber ilmu pengetahuan kepada sistem ekonomi juga adalah mustahak sebagai tunjang kepada kupasan keseluruhan sistem yang wujud dan perjalanannya sama ada dalam ekonomi konvensional ataupun Islam. Ekonomi Islam tidak berpaut kepada sistem-sistem ciptaan manusia tetapi Wahyu Allah yang maha tinggi dan terawal dihasilkan oleh Allah sendiri. Inilah kekuatan ekonomi Islam dalam menghadapi apa sahaja cabaran ekonomi dahulu , kini dan selamanya. Di samping akal juga diberi peluang oleh Allah bagi memantapkan lagi dinamisme ekonomi secara Islam.